

RUJ. KAMI (OUR REF.) UMP.02.01/10.12/2 (18)
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

16 Jun 2010

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 7 TAHUN 2010 : KEMUDAHAN CUTI
TANPA REKOD KEPADA PEGAWAI YANG MENDERMA ORGAN**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3/2010 yang bermesyuarat pada 28 April 2010 telah bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 2010 berhubung keputusan kerajaan untuk memberi Cuti Tanpa Rekod kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang menderma organ.

3. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 7 Tahun 2010 mengenai Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kepada Pegawai Yang Menderma Organ untuk makluman dan tindakan tuan/puan seterusnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HARYANI BINTI ABDULLAH)
b.p Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k YH Dato' Naib Canselor

HA/sms
d: Pekeliling

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 7 TAHUN 2010

KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD KEPADA PEGAWAI YANG MENDERMA ORGAN

TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pengarah Universiti bagi menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 2010 berhubung keputusan Kerajaan untuk memberi kemudahan Cuti Tanpa Rekod kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang menderma organ.

LATARBELAKANG

2. Pendermaan organ ialah proses mendermakan sebahagian organ daripada tubuh badan penderma untuk tujuan pemindahan kepada penerima yang memerlukan.
3. Terdapat dua jenis pendermaan organ iaitu pendermaan organ selepas kematian dan pendermaan organ semasa hidup.

SYARAT DAN KELAYAKAN

4. Pemberian kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi pegawai universiti yang menderma organ adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
 - (a) kemudahan ini diperuntukkan kepada staf universiti yang dilantik secara **tetap, sementara dan kontrak** (contract of service);
 - (b) pegawai hendaklah mematuhi semua peraturan dan prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
 - (c) kadar Cuti Tanpa Rekod yang boleh diluluskan adalah mengikut tempoh yang diperakukan oleh pegawai perubatan pakar atau **tidak melebihi 42 hari**, mengikut yang mana lebih rendah **termasuk** hari rehat mingguan,

hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am. Cuti ini bermula dari tarikh pegawai dibenarkan pulang ke rumah bagi menjalani proses pemulihan;

- (d) bagi tempoh pegawai dimasukkan ke hospital untuk menjalani ujian, pembedahan dan tempoh sebelum dibenarkan discaj dari hospital, pegawai boleh diberi kemudahan Cuti Sakit berdasarkan sijil cuti sakit yang dikeluarkan oleh pihak hospital; dan
- (e) kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini hanya **terpakai untuk pembedahan yang dijalankan di dalam negara sahaja.**

PROSEDUR

- 5. Staf hendaklah memohon cuti tanpa rekod melalui *E-Community*.
- 6. Permohonan cuti tanpa rekod hendaklah diluluskan oleh Ketua Jabatan.

TARIKH KUATKUASA

- 7. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai **1 Jun 2010.**

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)
PENDAFTAR

Tarikh :

Edaran Kepada.:

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan

Semua Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Sbi/Pkh/c/pekeliling/PP7_2010